

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 20 DISEMBER 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 37

## Hala tuju Petronas positif tahun 2023

### Hala tuju Petronas positif tahun 2023

**PETALING JAYA** – Petronas melihat masa depan dalam segmen pelantar penggerudian, aktiviti perkhidmatan medan minyak dan dasar laut akan kekal positif ekoran kerja-kerja berkaitan pembaikan serta penyelenggaraan sangat diperlukan untuk mengekalkan integriti kemudahan luar pesisir.

Naib Presiden Perolehan Kumpulan, Freida Amat berkata, tinjauan untuk kemudahan dasar laut, pembekalan saluran paip dan tongkang angkat berat masih kekal kerana sejumlah besar projek masih memerlukan platform wellhead.

Menurut beliau, Kumpulan komited untuk terus bekerjasama dengan rakan kongsi kerana industri tersebut terus berkembang khususnya dalam bidang nyahkarbon sebagai sebahagian daripada peralihan tenaga yang meluas.

"Peralihan kepada tenaga bersih perlu dilakukan sekarang bagi memenuhi landskap yang berubah-ubah yang dijangkakan berlaku pada tahun 2050.

"Yang mana ketika itu dijangkakan lebih banyak kerjasama yang kukuh dengan industri sebagai usaha untuk

mendapatkan penyelesaian terbaik daripada pengurusan kos yang lebih baik.

"Ini penting untuk mengelak daripada terlepas peluang untuk menavigasi peralihan tenaga dengan jayanya," kata beliau dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Selain itu, laporan unjuran Petronas tahun 2023 hingga 2025 turut menyentuh visi dan strategi Dasar Tenaga Negara 2022-2040 bagi merangsang penembusan tenaga boleh diperbaharui yang lebih besar.

Ia termasuk mengoptimalkan campuran penjanaan kuasa, pemfaktoran kemajuan teknologi yang pesat, melaksanakan pemboleh fizikal dan pengawalseliaan untuk menampung kuasa kemajuan sistem serta mempertingkatkan kesalinghubungan sistem grid serantau dan antarabangsa.

Kumpulan juga turut berkongsi pandangan untuk memberi impak positif kepada industri melalui inisiatif laluan Pelepasan Karbon Sifar Bersih Petronas menjelang 2050.

Ia adalah untuk memenuhi komitmen ke arah mencapai cita-cita masa depan iaitu, sifar bersih.



**SEGMENT** pelantar penggerudian minyak menjadi keperluan penting Petronas untuk hala tuju masa depan. – GAMBAR HIASAN